

## 8 MAC 2023 | KURSUS DALAM TALIAN: PERANCANGAN MISI PENERBANGAN UAS

Kursus Dalam Talian: Perancangan Misi Penerbangan UAS telah berlangsung pada 8 Mac 2023 di Pusat Kecemerlangan Ukur Pemetaan (PKUP), INSTUN. Seramai 64 orang peserta kursus telah berjaya menghadiri kursus ini. Peserta kursus adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi, Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), sektor swasta serta pelajar IPTA dan IPTS.

Kursus ini dilaksanakan secara dalam talian menggunakan pelantar Zoom. Taklimat kursus dikendalikan oleh Penyelaras Kanan Program, Encik Mohd Salim bin Hj Yusuf dan dibantu oleh penyelaras, Puan Noor Alifah binti Abd Hamid. Slot ceramah telah disampaikan oleh penceramah dalam INSTUN sendiri iaitu Sr Khor Yao Fa dan Sr Muhamad Husni. Pada slot terakhir, pihak urusetia telah menjemput Encik Izzat dari Drone Academy Asia bagi slot Pendedahan kepada Roc.

Secara keseluruhan, kursus ini berjalan dengan lancar hasil komitmen yang padu di kalangan semua peserta. Pihak urusetia mengucapkan ribuan terima kasih kepada penceramah jemputan dan peserta kursus kerana memberi kerjasama yang baik sepanjang kursus berlangsung.



